


Headline	Alor Setar terus Madinah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	21 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	21	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	253 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,308
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,924



Headline	Alor Setar terus Madinah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	21 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	21	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	253 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,308
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,924

## ■ Tabung Haji tambah lokasi penerbangan ke Tanah Suci

Oleh Ardyhansah Amat

ardyhansah@mediapri-  
ma.com.my

**Kuala Lumpur**

**T**abung Haji (TH) terus meluaskan lagi perkhidmatan apabila julung kalinya membuat penerbangan terus dari Alor Setar ke Madinah bermula tahun ini.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, ia menjadikan Lapangan Terbang Alor Setar lokasi ketujuh yang membuat penerbangan terus bakal haji ke Tanah Suci selepas enam lokasi di negeri lain.

“Lebih membanggakan apabila TH turut menyediakan kompleks hotel bagi penginapan bakal haji di Alor Setar iaitu terletak bersebelahan dengan lapangan terbang berkenaan.

“Saya menganggap ia satu

kejayaan berganda dalam usaha TH menyediakan perkhidmatan lebih baik kepada orang ramai,” katanya dalam sidang media, di sini, semalam.

Sebelum ini, terdapat enam lokasi pelepasan terus bakal jemaah haji ke Madinah iaitu di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA); Lapangan Terbang Sultan Ismail, Senai (Johor); Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (Sabah); Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (Sarawak); Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu dan Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas (Pulau Pinang).

Kata Jamil, Yang di-Pertuan Agong Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah berkenaan untuk melepaskan bakal haji dari Alor Setar pada penerbangan pertama 9 September depan.

“Sebelum ini semua bakal haji dari Alor Setar akan transit di KLIA sebelum menaiki pesawat ke Madinah.

“Sebagai permulaan, tiga penerbangan terus dari Lapangan Terbang Alor Setar ke Madinah membabitkan lebih 1,000 jemaah bakal haji,” katanya.

Sebelum itu, beliau merasmikan Pameran Haji dan Fotografi yang bertemakan Haji: Pengalaman Malaysia di Muzium Kesenian Islam Malaysia (MKIM) bermula semalam hingga 20 November depan.

Turut hadir dalam majlis berkenaan Pengerusi TH Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim, Pengarah Urusan Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif TH Datuk Paduka Ismee Ismail dan Pengerusi Yayasan AL-Bukhary Datuk Abdullah Abdul Rahman.

Pameran mendapat kerjasama MKIM dan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) sempena sambutan Jubli Emas 50 tahun penubuhan LTH.